

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN
KAWASAN : JULAU
TARIKH : 05 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN NO. 38

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab Lebuh Raya Pan Borneo dibina menurut piawaian JKR R3 berbanding piawaian JKR R5 seperti lebuh raya di Semenanjung Malaysia dan sejauh manakah penularan wabak COVID-19 memberi kesan terhadap pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak kini sedang dilaksanakan secara konvensional dengan kerjasama JKR Sarawak susulan daripada penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner Agreement* – PDPA).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuh Raya Pan Borneo memang menggunakan spesifikasi JKR R5 dari awal pelaksanaan. Walaupun berlaku penamatan PDPA dan pertukaran model pelaksanaan, skop kerja dan spesifikasi sedia ada masih dikekalkan.

Sama seperti projek-projek Kerajaan lain, wabak Covid-19 telah memberi sedikit sebanyak kesan ke atas kemajuan kerja pembinaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak. Walau bagaimanapun, *mitigation plan* dan tindakan susulan sedang dilaksanakan bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak sebagai pemangkin pembangunan sektor sosio-ekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

Sekian, terima kasih.